



**KEMENTERIAN DIGITAL
JABATAN DIGITAL NEGARA**

MANUAL PENGGUNA



**PERMOHONAN PEMBAHARUAN
SIJIL DIGITAL TOKEN**

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini dibenarkan dicetak semula, diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada **JABATAN DIGITAL NEGARA (JDN)**.

Edisi ini diterbitkan dan diedarkan pada bulan Julai, 2024

Senarai Edaran:

- Kakitangan JABATAN DIGITAL NEGARA (JDN) yang diberi kuasa

Mana-mana pihak yang tidak disenaraikan di atas tidak dibenarkan untuk memeriksa kandungan dokumen ini. Perbuatan sedemikian akan di tafsir sebagai pelanggaran keselamatan dan tindakan yang wajarnya akan diambil terhadap pesalah.

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN	2
SENARAI RAJAH.....	2
SENARAI AKRONIM	3
1.0 PENGENALAN	5
2.0 PERMOHONAN PEMBAHARUAN SIJIL DIGITAL TOKEN	8
2.1 PENGGUNA MENERIMA NOTIFIKASI E-MEL TAMAT TEMPOH	8
2.2 PENGISIAN MAKLUMAT PERMOHONAN PEMBAHARUAN SIJIL DIGITAL TOKEN.....	10
2.3 NOTIFIKASI E-MEL BAGI PENJANAAN SIJIL DIGITAL.....	16
3.0 PENGAKTIFAN TOKEN	17
3.1 PENGAKTIFAN GPKI AGENT 3.0.....	17
3.2 PENGAKTIFAN TOKEN	18
3.3 PENGUJIAN FUNGSI TOKEN	20
3.4 PAPARAN SIJIL DIGITAL TOKEN DALAM GPKI AGENT 3.0	22
4.0 PENGURUSAN TOKEN	24
4.1 RESET PIN	24
4.2 TUKAR PIN.....	28

SENARAI RAJAH

Rajah 1: Aliran Proses Permohonan Pembaharuan Sijil Digital Token	5
Rajah 2: Skrin Portal MyGPKI.....	6


SENARAI AKRONIM

Akronim	Definisi
Admin	Administrator (Admin) ialah pegawai di agensi peneraju yang bertanggungjawab mengurus pengoperasian Sistem MyGPKI serta melantik dan mengurus <i>Sub-Admin</i> Pelaksana (SAP).
AP	Authorized Personnel (AP) ialah pegawai di agensi sektor awam yang dilantik bagi mengurus sijil digital dan pengguna perkhidmatan MyGPKI di agensi masing-masing.
CA	Certification Authority (CA) ialah organisasi yang diberi lesen dan diiktiraf oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) bagi pengeluaran Sijil Digital berdasarkan Akta Tandatangan Digital 1997, Peraturan-Peraturan Tandatangan Digital 1998 dan undang-undang berkaitan yang sedang berkuat kuasa.
GPKI	Government Public Key Infrastructure (Prasarana Kunci Awam Kerajaan)
GPKI Agent	GPKI Agent ialah perisian yang dipasang pada komputer pengguna MyGPKI bagi melaksanakan fungsi PKI bertujuan untuk pengesahan identiti (identity)
Pentadbir MyGPKI	Pentadbir MyGPKI ialah pentadbir bagi Sistem MyGPKI yang terdiri daripada <i>Admin</i> , <i>Sub-Admin</i> Pelaksana (SAP), <i>Sub-Admin</i> (SA) dan <i>Authorized Personnel</i> (AP).
PIN	Personal Identification Number (PIN) ialah kod rahsia yang digunakan untuk mengesahkan identiti pengguna
RoamingCert	Roaming Digital Certificate (RoamingCert) ialah fail yang mengandungi Sijil Digital Pengguna, kunci peribadi (private key) bagi pengesahan identiti, penyulitan data dan tandatangan digital. Sijil digital ini disimpan dalam pelayan di agensi peneraju
SA	Sub-Admin (SA) ialah pegawai di agensi sektor awam yang berperanan melantik AP, serta mengurus Sijil Digital Pengguna di agensi masing-masing.

Akronim	Definisi
SAP	Sub-Admin Pelaksana (SAP) ialah pegawai di agensi pelaksana yang berperanan melantik SA dan AP serta mengurus Sijil Digital Pengguna di agensi masing-masing.
Sijil Digital Pengguna	Sijil Digital Pengguna ialah sijil yang dikeluarkan kepada individu oleh CA yang mengandungi maklumat berkenaan dengan identiti pengguna dan kunci awam (public key) pengguna tersebut.
Sistem ICT kerajaan	Sistem ICT kerajaan ialah sistem dan aplikasi ICT (Information and Communication Technology) yang dibangun dan digunakan oleh agensi sektor awam bagi menyokong perkhidmatan kerajaan
SoftCert	Software Digital Certificate (SoftCert) ialah fail yang mengandungi Sijil Digital Pengguna, kunci peribadi (private key) bagi pengesahan identiti, penyulitan data dan tandatangan digital. Sijil digital ini dimuat turun dan disimpan ke dalam komputer pengguna.
SO PIN	Security Officer PIN
Token	Token ialah peranti atau perkakasan yang mengandungi cip kriptografi untuk menyimpan kunci peribadi (private key) dan Sijil Digital Pengguna bagi melaksanakan pengesahan identiti, penyulitan data dan tandatangan digital.

1.0 PENGENALAN

Panduan ini bertujuan untuk memberi garis panduan berhubung langkah-langkah bagi pembaharuan Sijil Digital Token. **Rajah 1** merupakan aliran proses permohonan pembaharuan Sijil Digital.



Rajah 1: Aliran Proses Permohonan Pembaharuan Sijil Digital Token

Fungsi – fungsi yang akan dilaksanakan oleh pengguna sistem ICT kerajaan adalah seperti berikut:

1. Notifikasi Tamat Tempoh;
2. Permohonan Pembaharuan Sijil Digital;
3. Notifikasi Penjanaaan Sijil Digital;
4. Pengaktifan Token;
5. Pengujian Fungsi Token;
6. Paparan Sijil Digital dalam GPKI AGENT 3.0;
7. Reset PIN; dan
8. Tukar PIN.

Maklumat Portal MyGPKI adalah seperti berikut:

1. URL Portal MyGPKI ialah https://mygпки.gov.my/gпки_portal/



The screenshot shows the MyGPKI portal homepage. At the top left is the MyGPKI logo and the Malaysian coat of arms. A navigation bar contains links for UTAMA, MAKLUMAT AM, PERKHIDMATAN, MUAT TURUN, SOALAN LAZIM, MEJA BANTUAN, and eLEARNING. A 'GPKI DESK' and 'LOGIN PENTADBIR' button are in the top right. The main content area features a large banner titled 'KEMAS KINI PROFIL ANDA' (Update Your Profile Now). The banner text states: 'Pengguna perlu mengemas kini profil dengan maklumat terkini bagi memastikan **sijil digital token** dan **kod verifikasi permohonan** diterima.' Below this are three columns of information:

- Apa yang perlu dikemas kini?** (What needs to be updated?):
 - E-mel
 - Nombor telefon
 - Alamat pejabat/ alamat penghantaran
- Bila perlu kemas kini?** (When to update?):
 - Bertukar jabatan/ pindah alamat
 - Butiran peribadi berubah
- Bagaimana untuk kemas kini?** (How to update?):
 - Melalui Portal MyGPKI
 - Melalui GPKI Agent 3.0

Below the banner is a 'PERKHIDMATAN MyGPKI' section with five service cards: 'PENGURUSAN SIJIL DIGITAL PENGGUNA', 'PENGURUSAN SIJIL DIGITAL PELAYAN', 'PENGURUSAN SIJIL DIGITAL LATIHAN / UJIAN', 'MEJA BANTUAN DAN KHIDMAT SOKONGAN TEKNIKAL', and 'KHIDMAT NASIHAT DAN KONSULTASI'.

Rajah 2: Skrin Portal MyGPKI

2.0 PERMOHONAN PEMBAHARUAN SIJIL DIGITAL TOKEN

2.1 PENGGUNA MENERIMA NOTIFIKASI E-MEL TAMAT TEMPOH

Pengguna akan menerima e-mel notifikasi untuk memaklumkan Sijil Digital akan tamat tempoh. Pengguna akan menerima e-mel notifikasi dalam tempoh 30 dan 15 hari sebelum tarikh tamat tempoh dan juga pada hari sijil digital tamat tempoh. E-mel ini mengandungi Kod Verifikasi Permohonan untuk pengguna membuat permohonan pembaharuan di Portal MyGPKI.

Langkah-langkah:

1. Notifikasi e-mel kepada pengguna akan dihantar untuk memaklumkan pengguna telah didaftarkan ke dalam Sistem MyGPKI.
2. Contoh paparan e-mel – 30 hari sebelum tamat tempoh.

Notifikasi Tamat Tempoh Sijil Digital

Assalamualaikum wbt. dan Salam Sejahtera,

Tuan/Puan NUR RASHIDAH BINTI RASHID,

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Untuk makluman, Sijil Digital anda akan tamat tempoh dalam masa 30 hari lagi. Anda dikehendaki untuk membuat permohonan pembaharuan melalui Portal GPKI di <https://gpk.mampu.gov.my>. Sila gunakan Kod Verifikasi Permohonan **45367672** (tempoh sah sehingga: **15/09/2020 02:46pm**) semasa membuat permohonan.

3. Anda hendaklah memasang GPKI AGENT 3.0. Sila klik di sini untuk memuat turun agen.

4. Sila klik <https://gpk.mampu.gov.my> untuk panduan permohonan pembaharuan.

Sebarang pertanyaan tuan/puan hendaklah dikemukakan kepada Meja Bantuan MyGPKI melalui pautan <https://gpkdesk.mampu.gov.my>.

Sekian, terima kasih.

Pentadbir Sistem GPKI

E-mel ini merupakan janaan komputer. Tiada sebarang maklum balas diperlukan.

3. Contoh paparan e-mel – 15 hari sebelum tamat tempoh.

Notifikasi Tamat Tempoh Sijil Digital

Assalamualaikum wbt. dan Salam Sejahtera,

Tuan/Puan NUR RASHIDAH BINTI RASHID,

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Untuk makluman, Sijil Digital anda akan tamat tempoh dalam masa 15 hari lagi. Anda dikehendaki untuk membuat permohonan pembaharuan melalui Portal GPKI di <https://gпки.mampu.gov.my>. Sila gunakan Kod Verifikasi Permohonan **45367672** (tempoh sah sehingga: **15/09/2020 02:46pm**) semasa membuat permohonan.

3. Anda hendaklah memasang GPKI AGENT 3.0. Sila klik di sini untuk memuat turun agen.

4. Sila klik <https://gпки.mampu.gov.my> untuk panduan permohonan pembaharuan.

Sebarang pertanyaan tuan/puan hendaklah dikemukakan kepada Meja Bantuan MyGPKI melalui pautan <https://gpkidesk.mampu.gov.my>.

Sekian, terima kasih.

Pentadbir Sistem GPKI

E-mel ini merupakan janaan komputer. Tiada sebarang maklum balas diperlukan.

4. Contoh paparan e-mel – sijil digital telah tamat tempoh.

Notifikasi Tamat Tempoh Sijil Digital

Assalamualaikum wbt. dan Salam Sejahtera,

Tuan/Puan NUR RASHIDAH BINTI RASHID,

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Untuk makluman, Sijil Digital anda telah tamat tempoh. Anda dikehendaki untuk membuat permohonan pembaharuan melalui Portal GPKI di <https://gпки.mampu.gov.my>. Sila gunakan Kod Verifikasi Permohonan **45367672** (tempoh sah sehingga: **15/09/2020 02:46pm**) semasa membuat permohonan.

3. Anda hendaklah memasang GPKI AGENT 3.0. Sila klik di sini untuk memuat turun agen.

4. Sila klik <https://gпки.mampu.gov.my> untuk panduan permohonan pembaharuan.

Sebarang pertanyaan tuan/puan hendaklah dikemukakan kepada Meja Bantuan MyGPKI melalui pautan <https://gpkidesk.mampu.gov.my>.

Sekian, terima kasih.

Pentadbir Sistem GPKI

E-mel ini merupakan janaan komputer. Tiada sebarang maklum balas diperlukan.

2.2 PENGISIAN MAKLUMAT PERMOHONAN PEMBAHARUAN SIJIL DIGITAL TOKEN


Fungsi ini adalah bertujuan untuk pengguna membuat permohonan pembaharuan sijil digital token di MyGPKI Web Portal. Pengguna boleh membuat permohonan setelah menerima e-mel notifikasi tempoh sah sijil digital yang mengandungi kod verifikasi permohonan.

Langkah-langkah:

1. Pada portal MyGPKI, klik pada menu [PERKHIDMATAN] dan di bawah menu [PERMOHONAN SIJIL DIGITAL PENGGUNA]. Klik pada [Permohonan Sijil Digital Pengguna].



2. Skrin Permohonan Sijil Digital Pengguna akan dipaparkan seperti berikut:




The screenshot shows the 'Permohonan Sijil Digital Pengguna' form. The form includes a notification bar at the top stating: 'Kod Verifikasi Permohonan baru telah djjana dan dihantar ke e-mel PengujiROTP3@yopmail.com.' Below this, there are input fields for 'No. MyKad' (000000000000) and 'Kod Verifikasi Permohonan' (*****). A 'Jana Kod Verifikasi Permohonan' button is present. There is a radio button selection for 'Adakah token masih ada dengan anda?' with options 'Ya' (selected) and 'Tidak'. At the bottom, there are 'Set Semula' and 'Seterusnya' buttons.

Nota:

1. Sila maklumkan kepada pegawai AP (Authorized Personnel) agensi anda sekiranya:
 - a. Anda tidak menerima e-mel notifikasi yang mengandungi Kod Verifikasi Permohonan.
 - b. Sila maklumkan juga kepada pegawai AP (Authorised Personnel) anda untuk menyemak e-mel yang diberikan adalah tepat.
2. Pastikan pengguna memasukkan nombor Kod Verifikasi Permohonan daripada e-mel notifikasi pembaharuan sijil digital yang terkini.
3. Masukkan **No. MyKad**, dan klik pada butang [Ya] atau [Tidak] pada bahagian adakah token masih ada dengan anda?
4. Sekiranya pengguna memilih butang [Tidak], sistem tidak akan membenarkan pengguna untuk membuat permohonan pembaharuan dan pengguna perlu membuat Permohonan Pembatalan Sijil Digital Token untuk menggantikan token.
5. Sekiranya pengguna memilih butang [Ya], sistem akan membenarkan pengguna untuk membuat permohonan pembaharuan. Masukkan **Kod Verifikasi Permohonan** yang telah dihantar melalui e-mel anda dan klik butang [Seterusnya].
6. Skrin borang permohonan pembaharuan akan dipaparkan seperti berikut:

PERMOHONAN SIJIL DIGITAL PENGGUNA



Anda diingatkan untuk menjaga token anda supaya tidak hilang serta tidak boleh dikongsi dengan mana-mana pengguna lain. Sila pastikan token masih ada dengan anda. Sekiranya hilang, sila buat permohonan pembatalan.

Maklumat Pengguna

Jenis Permohonan	Pembaharuan
Jenis Medium	Sijil Digital Token
Nama Pemohon	Ali Bin Abu
No. MyKad	000000000000
Sistem ICT Kerajaan	<input type="checkbox"/> GPKI
Peranan Pengguna Sistem ICT Kerajaan	Pentadbir GPKI
E-mel	<input type="text" value="PengujiROTP3@yopmail.com"/>
Kementerian / Agensi	<input type="text" value="POS DIGICERT"/>
Alamat Agensi	<input type="text" value="8-3A-02 STAR CENTRAL LINGKARAN
LINGKARAN CYBERPOINT TIMUR
CYBERJAYA
63000 SELANGOR"/>
Poskod	<input type="text" value="63000"/>
Negeri	<input type="text" value="SELANGOR"/>
No. Telefon Pejabat	<input type="text" value="1111111111"/>
No. Faks	<input type="text" value="1111111111"/>
No. Telefon Bimbit	<input type="text" value="1111111111"/>

Nota:

Maklumat pengguna yang terdahulu akan dipaparkan semula:

1. Pengguna dibenarkan untuk menukar alamat sekiranya terdapat pertukaran alamat.
2. Pengguna boleh menukar imej MyKad sekiranya telah mempunyai MyKad terkini.
3. Setiap medan adalah wajib diisi.

7. Masukkan maklumat pada bahagian **Maklumat Berhubung Penggunaan Sijil Digital** pada skrin seperti di bawah:

Maklumat Berhubung Penggunaan Sijil Digital

Soalan Rahsia 1




Jawapan 1




Soalan Rahsia 2

Jawapan 2


Sila pastikan anda ingat pilihan soalan dan jawapan keselamatan bagi penggunaan Sistem GPKI

Imej Keselamatan

Muat Naik Imej MyKad



Sila muat naik imej MyKad dalam format *.jpg, *.png, *.gif sahaja. Saiz fail mestilah tidak lebih daripada 2MB. Sila pastikan imej MyKad yang dimuat naik adalah jelas.

8. Kemas kini maklumat pada bahagian **Maklumat Berhubung Penghantaran Token** (sekiranya perlu) pada skrin seperti di bawah:

Maklumat Berhubung Penghantaran Token

Alamat sama seperti alamat yang diisi di atas

Alamat Penghantaran


Poskod

Negeri

9. Sistem akan memaparkan Maklumat Pentadbir (jika ada) bagi pengguna dan masukkan **Pengesahan Keselamatan** di ruangan yang disediakan seperti berikut:

Maklumat Pentadbir

Pengesahan Keselamatan



10. Tandakan **✓** pada kotak *checkbox* untuk mengesahkan maklumat yang dikemukakan adalah benar.
11. Tandakan **✓** pada kotak *checkbox* untuk memberi kebenaran kepada Jabatan Digital Negara (JDN) membuat salinan Sijil Digital dan kunci peribadi (Private Key).
12. Tandakan **✓** kotak *checkbox* untuk mengesahkan pengguna ambil maklum sekiranya permohonan ditolak secara automatik di atas sebab AP tidak membuat pengesahan permohonan dalam tempoh 15 hari.
13. Klik butang [**Hantar**] untuk menghantar Permohonan Sijil Digital Pengguna kepada Pentadbir (SAP/ SA/ AP).

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kesemua maklumat yang diberi adalah benar dan tepat serta mematuhi perjanjian langganan sijil digital.

Saya, dengan ini memberikan kebenaran kepada Jabatan Digital Negara (JDN) untuk membuat salinan sijil digital dan kunci peribadi (Private Key) saya dan seterusnya menyimpankannya ke dalam Pusat Data JDN, sekiranya saya pengguna RoamingCert atau SoftCert.

AP mengesahkan permohonan dalam tempoh 15 hari. Sekiranya permohonan tidak disahkan, permohonan akan ditolak secara automatik. Pengguna hendaklah memohon semula.

14. Sistem akan paparkan skrin Status Permohonan seperti berikut:




PERMOHONAN SIJIL DIGITAL PENGGUNA

Status Permohonan

Permohonan telah berjaya dihantar. Klik cetak untuk mencetak borang permohonan anda.

Sebarang pertanyaan, Sila klik pada pautan **GPKIDesk**

15. Klik butang **[Cetak]** untuk muat turun Borang Permohonan Pembaharuan Sijil Digital seperti berikut:

 BORANG PERMOHONAN PEMBAHARUAN SIJIL DIGITAL TOKEN	
BAHAGIAN 1: MAKLUMAT PEMOHON	REQRENEWOKEN 1
ID Permohonan	: SDT/2024/06/10/RENEW/0004/4323
Tarikh & Masa Permohonan	: 10/06/2024 05:49:22 PM
Nama Penuh	: Ali Bin Abu
No. MyKad	: 000000000000
Pengguna Aplikasi	: GPKI
Peranan Pengguna Aplikasi	: Pentadbir GPKI
Alamat E-mel	: PengujiROTP3@yopmail.com
Kementerian	: BADAN-BADAN TIDAK BERKANUN
Agensi	: POS DIGICERT
Alamat Agensi	: 8-3A-02 STAR CENTRAL LINGKARAN LINGKARAN CYBERPOINT TIMUR CYBERJAYA 63000 SELANGOR
No. Telefon Pejabat	: 11111111111111111111 No. Faks : 11111111111111111111
No. Telefon	: 11111111111111111111
Soalan Rahsia 1	: Tarikh lahir ibu anda (contoh: 01011950)
Jawapan Rahsia 1	: 01011950
Soalan Rahsia 2	: No plat kereta pertama ayah anda (contoh: 2050)
Jawapan Rahsia 2	: 2050
Imej Keselamatan	: 
Paparan Kad Pengenalan 	
Penafian dan Peringatan <input checked="" type="checkbox"/> Saya dengan ini mengesahkan bahawa kesemua maklumat yang diberi adalah benar dan tepat serta mematuhi perjanjian langganan sijil digital. <input checked="" type="checkbox"/> Saya, dengan ini memberikan kebenaran kepada Jabatan Digital Negara (JDN) untuk membuat salinan sijil digital dan kunci peribadi (Private Key) saya dan seterusnya menyimpankannya ke dalam Pusat Data JDN, sekiranya saya pengguna RoamingCert atau SoftCert. <input checked="" type="checkbox"/> AP mengesahkan permohonan dalam tempoh 15 hari. Sekiranya permohonan tidak disahkan, permohonan akan ditolak secara automatik. Pengguna hendaklah memohon semula.	
Salinan Pengguna dan Pentadbir GPKI sahaja	

16. Pengguna boleh menyimpan salinan borang Permohonan Sijil Digital Pengguna untuk tujuan rujukan dalam bentuk *softcopy* atau *hardcopy*.

2.3 NOTIFIKASI E-MEL BAGI PENJANAAN SIJIL DIGITAL

Langkah-langkah:

1. Notifikasi E-mel kepada pengguna akan dihantar untuk memaklumkan Sijil Digital Individu pengguna telah dijana.
2. Contoh paparan e-mel seperti berikut:

Notifikasi Penjanaaan Sijil Digital

Assalamualaikum wbt. dan Salam Sejahtera,

Tuan/Puan,

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Untuk makluman, Sijil Digital Pengguna Sijil Digital Token anda telah berjaya dijana. Butir-butir sijil digital adalah seperti berikut

Nama: Ali Bin Abu

Nombor Kad Pengenalan: 000000000000

Pengeluar sijil: Pos DigiCert

Tarikh Tempoh Sah: 24/11/2025 04:42 PM

3. Sila buat pengaktifan melalui GPKI Agent 3.0.

Sebarang pertanyaan tuan/puan hendaklah dikemukakan kepada Meja Bantuan MyGPKI melalui pautan <https://gpkidesk.mampu.gov.my>.

Sekian, terima kasih.

Pentadbir Sistem GPKI

E-mel ini merupakan janaan komputer. Tiada sebarang maklum balas diperlukan.

3.0 PENGAKTIFAN TOKEN

Pengguna yang telah menerima token perlu membuat pengaktifan token terlebih dahulu sebelum menggunakan token tersebut pada sistem ICT kerajaan masing-masing. Sebelum token diaktifkan, pengguna perlu memastikan GPKI Agent versi terkini (GPKI AGENT 3.0) telah dipasang pada komputer pengguna.

3.1 PENGAKTIFAN GPKI AGENT 3.0

Langkah-langkah:

1. Klik pada [shortcut icon] GPKI AGENT 3.0.



2. [Start > All Program > GPKI AGENT 3.0 > GPKI AGENT 3.0] untuk mengaktifkan servis GPKI AGENT 3.0.



3.2 PENGAKTIFAN TOKEN

Fungsi ini membenarkan pengguna untuk mengaktifkan token setelah pengguna menerima Notifikasi Penajaan Sijil Digital. Pengguna perlu menggunakan Token sedia ada untuk membuat pengaktifan bagi pembaharuan Sijil Digital Token.

Langkah-langkah:

1. Klik pada menu **[Pengurusan Token]** dan klik pada **[Pengaktifan Token]**.



2. Skrin Pengaktifan Token akan dipaparkan. Masukkan No. MyKad dan klik butang **[Hantar]**.

Pengaktifan Token

No. Siri Token:

No. MyKad:

3. Sistem akan memaparkan skrin Pengaktifan Token seperti berikut:



Pengaktifan Token

No. Siri Token: 9C16442520090314


No. MyKad:

Soalan Rahsia:

Jawapan:

PIN Token:

4. Pilih **Soalan Rahsia**, masukkan **Jawapan** dan **PIN Token**.
5. Klik [Hantar] untuk mengaktifkan token, sistem akan paparkan mesej seperti berikut:



3.3 PENGUJIAN FUNGSI TOKEN


Fungsi ini adalah bertujuan untuk memastikan Sijil Digital Token berfungsi dengan baik dan tidak mempunyai masalah untuk membuat fungsi *Signing*, *Verifying*, *Encrypt* dan *Decrypt*.

Langkah-langkah:


1. Pastikan token telah dimasukkan ke *USB Port*.
2. Klik pada menu [Pengurusan Token] dan klik pada sub menu [Pengujian Token].




3. Sistem akan memaparkan skrin Pengujian Token seperti berikut:



- Masukkan **No. MyKad**, **PIN** dan **Data** untuk pengujian.



- Klik butang [Uji] untuk menguji fungsi Sijil Digital Token.
- Agan akan memaparkan keputusan pengujian seperti berikut:



- Sekiranya semua status pengujian yang dipaparkan adalah berjaya, Sijil Digital Token yang diuji sedia untuk digunakan. Sekiranya terdapat status ralat, pengguna perlu laporkan pada Meja Bantuan MyGPKI.

3.4 PAPARAN SIJIL DIGITAL TOKEN DALAM GPKI AGENT 3.0

Langkah-langkah:

1. Pastikan GPKI AGENT 3.0 masih aktif dan klik pada menu [Pengurusan Token] kemudian klik pada [Papar Sijil Digital].





2. Skrin Maklumat Sijil Digital akan dipaparkan seperti berikut:



The screenshot shows the 'Maklumat Sijil Digital' screen. The top navigation bar is the same as in the previous screenshot. The main content area displays a table with the following data:

No. Siri	Maklumat	Tarikh Mula	Tarikh Akhir	Jenis Medium	Tindakan Papar
800101295332	Issuer=Malaysia Premier CA G2 SURNAME=800101295332 Name: MAISARAH BINTI OSMAN	09/06/2020	09/07/2022	token	

3. Klik pada ikon  di bahagian kolum [Tindakan] untuk melihat maklumat lengkap sijil digital.
4. Agen GPKI akan memaparkan skrin *Certificate* seperti berikut:



4.0 PENGURUSAN TOKEN

4.1 RESET PIN

Fungsi ini membenarkan pengguna untuk menetapkan semula PIN Token sekiranya token disekat.

Langkah-langkah:

1. Pastikan token telah dimasukkan ke *USB Port*.
2. Pastikan GPKI AGENT 3.0 telah diaktifkan. Skrin GPKI AGENT 3.0 akan dipaparkan seperti berikut:



- Klik pada menu [Pengurusan Token] dan klik pada [Reset PIN].




- Skrin Permohonan Reset PIN akan dipaparkan seperti berikut:




The screenshot shows the 'Reset PIN' form. It has a title 'Reset PIN' and a label 'No. Siri Token:'. Below this is a text input field for 'No. MyKad:' containing the value '200812055090'. At the bottom of the form are two buttons: 'Hantar' and 'Batal'.

- Masukkan **No. MyKad** dan klik butang [Hantar].
- Skrin seterusnya akan dipaparkan seperti berikut:



The screenshot shows the 'Reset PIN' form after submission. The 'No. Siri Token:' field is now populated with '289519F9007F8013'. The 'No. MyKad:' field contains '240405884324'. There are two empty text input fields for 'PIN Unblock (SO PIN):' and 'PIN Token Baharu:'. A 'Jana SO PIN' button is next to the 'PIN Unblock (SO PIN):' field. Below these is a 'Pengesahan PIN Token Baharu:' field. At the bottom are 'Batal' and 'Reset PIN' buttons. The footer of the page reads '© 2020 MyGPKI, Semua Hak Cipta Terpelihara'.

7. GPKI AGENT 3.0 akan memaparkan No. Siri Token.
8. Klik butang [Jana SO PIN]. Sistem akan memaparkan popup skrin “Permohonan SO PIN”.
9. Pilih **Soalan Rahsia** dan masukkan **Jawapan**.
10. Klik butang [Hantar] untuk mendapatkan SO PIN.




11. SO PIN akan dipaparkan secara automatik pada ruangan **PIN Unblock (SO PIN)** seperti berikut:



12. Masukkan **PIN Token Baharu** dan **Pengesahan PIN Token Baharu**.

13. Klik butang [Reset PIN] dan sistem akan memaparkan mesej “Transaksi Berjaya” seperti berikut:



The screenshot shows the 'Reset PIN' interface. On the left, there are labels for 'No. Siri Token:', 'No. MyKad:', 'PIN Unblock (SO PIN):', 'PIN Token Baharu:', and 'Pengesahan PIN Token Baharu:'. Each label is followed by a text input field containing seven dots. To the right of the 'PIN Unblock (SO PIN):' field is a 'Jana SO PIN' button. At the bottom are 'Reset PIN' and 'Batal' buttons. A modal dialog box titled 'Mesej' is overlaid in the center, displaying the message 'Transaksi berjaya.' and an 'OK' button.

Nota:

Pengguna diingatkan supaya tidak membuat Reset PIN sekiranya tiada keperluan. Ini kerana setiap token hanya diberikan 10 kali percubaan sahaja. Sekiranya 10 percubaan telah digunakan, SO PIN token akan disekat dan token tidak boleh digunakan lagi. Pengguna perlu membuat permohonan pembatalan Sijil Digital dan membuat Permohonan Penggantian Sijil Digital.

4.2 TUKAR PIN

Fungsi ini membenarkan pengguna untuk menukar PIN Sijil Digital Token.

Langkah-langkah:


1. Pastikan token telah dimasukkan ke *USB Port*.
2. Pastikan GPKI AGENT 3.0 telah diaktifkan. Skrin GPKI AGENT 3.0 akan dipaparkan seperti berikut:




3. Klik pada menu [Pengurusan Token] dan klik pada sub menu [Tukar PIN].



4. Agen GPKI akan memaparkan skrin Tukar PIN seperti berikut:



5. Masukkan **PIN Token** (PIN Semasa), **PIN Baharu** dan **Pengesahan PIN Baharu**.
6. Klik butang [Tukar PIN] untuk menukar PIN Token.
7. Skrin mesej "Transaksi berjaya" akan dipaparkan seperti berikut:



8. Klik butang [OK] untuk menutup skrin mesej.
9. Pengguna boleh menggunakan token dengan memasukkan PIN baharu.